



JAWATAN KOSONG
JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

Rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau warganegara Malaysia yang telah menduduki Negeri Johor tidak kurang tiga (3) tahun berturut-turut dan berumur tidak kurang dari 25 tahun dan tidak melebihi 65 tahun pada tarikh tutup iklan adalah dipelawa memohon jawatan sebagaimana berikut : -

- | | | | | |
|----|-----|--------------------------|---|---|
| 1. | (a) | Jawatan | : | Penggerak Masjid dan Surau
Peringkat Dewan Undangan Negeri |
| | (b) | Kumpulan Perkhidmatan | : | Pelaksana |
| | (c) | Klasifikasi Perkhidmatan | : | Sosial |
| | (d) | Taraf jawatan | : | Kontrak |
| | (e) | Jadual Gaji | : | Elaun Tetap Bulanan RM 900.00
Elaun Perbatuan tidak melebihi RM 300.00 |
| | (f) | Lokasi | : | i. DUN Senai, Kulai
ii. DUN Bukit Batu, Kulai
iii. DUN Bukit Permai, Kulai |

SYARAT LANTIKAN :

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang daripada 25 tahun dan tidak melebihi 65 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
3. Lelaki;
4. Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan akademik seperti berikut :-
 - (i) **SPM** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan **kepujian dalam subjek Agama Islam** serta **Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; **dan**
 - (ii) Sijil IV Thanawi atau Sijil Sekolah Menengah Agama yang diiktiraf oleh Lembaga Peperiksaan Agama (LPAJ) – SMRA/SMA/STAM; **atau**
 - (iii) Sijil Darjah Khas sekurang-kurangnya pangkat **DUA** daripada Sekolah Agama Bantuan Penuh Kerajaan.
5. Bermastautin di DUN berkenaan;
6. Tidak muflis;

7. Tiada rekod jenayah;
8. Mempunyai kesihatan fizikal dan mental;
9. Bebas dari penyalahgunaan dadah;
10. Berkebolehan membaca dan menulis rumi dan jawi;
11. Berkebolehan menggunakan komputer;
12. Mempunyai kebolehan khusus seperti berikut :-
 - (i) Mempunyai pengetahuan agama yang tinggi, berpengalaman luas dan diiktiraf oleh masyarakat;
 - (ii) Berkebolehan menyelia dan memberi bimbingan dalam pengurusan dan pentadbiran kepada Ahli Jawatankuasa Pentadbir Masjid dan Surau serta pegawai-pegawainya;
 - (iii) Berkebolehan menyelia dan menyelaras program aktiviti dan pengimarahannya di masjid dan surau;
 - (iv) Mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam memberi khidmat nasihat kepada Ahli Jawatankuasa Masjid dan Surau dalam mengukuhkan ekonomi masjid dan surau dan menguruskan pentadbiran kewangan dengan sempurna dan telus;
13. Keutamaan bagi yang memiliki lesen memandu kenderaan kelas 'E' dan memiliki kenderaan sendiri.

CARA PERMOHONAN :

- 1) Permohonan hendaklah menggunakan **BORANG PERMOHONAN JAWATAN PENGGERAK MASJID DAN SURAU** yang boleh didapati di **Pejabat Kadi Daerah Kulai**.
- 2) Borang yang telah sempurna diisi hendaklah disertakan gambar ukuran passport dan juga **SALINAN PHOTOSTAT Sijil Beranak, Kad Pengenalan dan Sijil Kelayakan** sebagaimana perkara '4' di atas.
- 3) Hanya calon-calon yang berkelayakan selepas ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Sekiranya permohonan tidak menerima sebarang jawapan selepas **(3) tiga bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai **tidak berjaya**.

PERMOHONAN HENDAKLAH DIHANTAR KEPADA :-

**Kadi Daerah
Pejabat Kadi Daerah Kulai
No. 2929, Jalan Merbau 3
Bandar Putra
81000 Kulai**

SEBELUM ATAU PADA : 06 DISEMBER 2018

CATATAN :

Pemilihan calon akan dibuat melalui saringan temuduga dan serta ujian kelayakan (jika berkenaan)